

28/06/2003

Ekspo perkenal produk R&D R&D pelbagai bidang di UKM

Norzilawati Abdul Halim

EKSPO Penyelidikan dan Inovasi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) 2003 menjadi landasan terbaik memperkenalkan hasil penyelidikan penyelidikannya sebelum menyertai Ekspo Sains dan Teknologi membabitkan 17 institusi pengajian tinggi awam (IPTA) Oktober ini dan antarabangsa pada masa depan.

Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Mohamed Salleh Mohamed Yasin, berkata ekspo kelolaan Pusat Pengurusan Penyelidikan (PPP), selama tiga hari itu akan membuka 278 kaunter pameran daripada 22 fakulti, institut dan pusat dalam pelbagai bidang di UKM.

Bidang terbabit ialah pertanian, makanan dan perhutanan; bahan, tenaga dan alam sekitar; biosains dan bioteknologi; teknologi maklumat dan komunikasi; sains dan kejuruteraan; kesihatan dan sains sekutu; kemanusiaan dan sains sosial.

Beliau berkata, ekspo kali pertama tahun ini memilih produk penyelidikan berpotensi untuk dipasarkan secara komersial bagi masyarakat dan industri.

"Setiap tahun penyelidik dan pensyarah UKM banyak menghasilkan inovasi dan penemuan yang kita rasakan perlu diberi pendedahan.

"Malah kami memanfaatkan peruntukan yang diberikan kerajaan untuk menjalankan penyelidikan dan pembangunan agar hasil penemuan itu akan memberi manfaat kepada masyarakat," katanya pada sidang akhbar di Hotel Mint, Sungai Besi, Kuala Lumpur, semalam.

Hadir sama, Pengarah PPP Prof Dr Mohd Yusof Othman, Ketua Makmal Genomik Biovalley-UKM, Prof Dr Nur Muhammad Mahadi; Pensyarah Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik (PPBL), Prof Dr Zawiah Yahya dan Pengarah Pusat Perhubungan Awam dan Antarabangsa (PUSPA), Prof Madya Dr Mazlin Mokhtar.

Pada sidang itu, Dr Mohamed Salleh mengumumkan kejayaan penyelidikan dan

pelajar siswazah Pusat Pengajian Biosains dan Bioteknologi menemui Penjujukan Genom Coronavirus dan penganjuran Persidangan Antarabangsa Bahasa dan Kesatuanbangsaan oleh PPBL, pada 16 hingga 18 Disember ini.

Menjelaskan penemuan itu, Dr Nur Muhammad berkata pasukan penyelidikan dan pelajar siswazah berjaya menemui deretan genom dua coronavirus pencilan haiwan dalam masa enam hari.

Kejayaan pantas itu sebenarnya setaraf dengan kemajuan makmal di luar negara seperti di Kanada.

"Kebanyakan penyelidikan yang mengaitkan sesuatu virusnya mengambil tiga

bulan untuk mendapatkan hasilnya.

"Dengan kerjasama dan komitmen pasukan penyelidik kami, akhirnya berjaya

menjujukan coronavirus itu dalam masa singkat.

"Ini membuktikan penyelidik tempatan mampu menangani krisis sebagai persediaan negara untuk menghadapi masalah perebakan penyakit haiwan dan manusia yang disebabkan ejen penyakit seperti coronavirus," katanya.

Sementara mengenai persidangan antarabangsa yang dianjurkan PPBL pula,

Dr Zawiah berkata ia bertujuan bagaimana bahasa memainkan fungsi penting dalam menangani realiti baru pada abad ke-21 dalam memberi kesan pembinaan negara dan bangsa.

"Seminar ini akan dirasmikan dan menyampai ucapan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan sidang secara talian bersama bekas presiden Afrika Selatan, Nelson Mandela.

"Ia terbuka kepada 400 peserta dan 120 daripadanya akan membentangkan kertas kerja masing-masing. Setakat kami sudah menerima 40 abstrak kertas kerja dan mengalu-alukan mereka yang berminat untuk menghantar abstrak itu sebelum 1 Ogos ini," katanya.

Antara topik perbincangan dalam seminar itu ialah perubahan konstruk dalam kesatubangsaan, polisi bahasa, kurikulum bahasa dan kesusasteraan, pengajaran dan pembelajaran bahasa, pendidikan perguruan bahasa dan wacana diplomat.